

43

NO. SOALAN: 26

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 4 APRIL 2018 (RABU)

SOALAN:

**Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan status halal daging yang diimport dari luar negara
dan penyalahgunaannya yang menjadi keraguan umat Islam masa kini.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan daging dan produk berasaskan daging ke Malaysia mestilah mematuhi peraturan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ianya mensyaratkan daging dan

produk berasaskan daging mesti dipersijilkan halal. Berdasarkan peraturan tersebut semua daging dan produk berasaskan daging hendaklah diiktiraf oleh Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh Malaysia. Manakala produk yang telah berada di pasaran terikat dengan peruntukan Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, MAQIS bertanggung jawab mengawal dan menguatkuasakan kemasukan daging dan produk yang berasaskan daging di pintu-pintu masuk ke negara ini.

Sekian, terima kasih.